

R GB 22-04 00176 BB370

bah

Pulau

LABUAN BERSEDIA JADI PUSAT PERDAGANGAN TERKEMUKA DI ASIA PASIFIK

I

LABUAN, 22 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pembangunan di Labuan telah disesuaikan ke arah mencapai objektif menjadikannya Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) yang berjaya dan pusat perdagangan terkemuka di rantau Asia Pasifik.

Beliau berkata Labuan juga sedang mencapai pengiktirafan antarabangsa sebagai sebuah IOFC setanding dengan pusat kewangan luar pesisir seperti Bahamas, Virgin Island dan Gibraltar.

"Pengisytiharan Labuan sebagai IOFC pada Oktober 1990 adalah satu lagi komitmen kerajaan Persekutuan untuk membangunkan pulau itu," katanya dalam perutusan buku bergambar "Labuan Setelah Mencapai Taraf Wilayah Persekutuan" yang dilancarkan di sini hari ini.

Buku setebal 100 muka surat itu mengandungi kira-kira 150 gambar-gambar mengenai sejarah pulau itu, penduduknya, pembangunan, aktiviti ekonomi dan jangkaan bagi pertumbuhan masa depan yang dilancarkan oleh Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa sejak Labuan berada di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan pada 1984, penduduknya mendapat banyak faedah daripada pertumbuhan pulau itu. -- Lagi

▼22/04/17-27MST

CNS7830

R GB 22-04 00140 BB371

bah

Pulau 2 Labuan

Dr Mahathir berkata sejajar dengan status antarabangsa Labuan, kerajaan telah melaksanakan beberapa projek infrastruktur dan projek lain.

Projek-projek utama yang ditetapkan termasuk pembinaan taman kewangan untuk menempatkan semua bank luar pesisir, penubuhan sekolah antarabangsa dan pengubahsuaian lapangan terbang serta kawasan pelabuhan.

Dalam satu lagi perutusan, bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin berkata wilayah persekutuan telah bersedia menjadi satu pulau terkemuka di peta dunia.

Daim yang juga pengerusi Lembaga Pembangunan Labuan berkata projek-projek pembangunan yang sedang dilaksanakan, akan menjadikan pulau itu sebagai destinasi popular tetapi memberi amaran bahawa kejayaan Labuan sebagai IOFC bergantung kepada komitmen aktif dan penyertaan daripada kerajaan dan sektor swasta.

Sementara itu, Mohamed dalam ucapannya menggesa agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta membantu usaha Jabatan perkhidmatan Penerangan memberi promosi mengenai Labuan -- Lagi

▼22/04/17-40MST

CNS7845

R GB 22-04 00060 BB372

bah

Pulau 3 (Akhir) Labuan

Mohamed juga berkata sebagai tambahan kepada penerbitan buku itu, jabatan berkenaan akan melibatkan diri secara aktif dalam mengadakan promosi mengenai Labuan melalui laporan-laporan akhbara.

Beliau berkata buku itu juga akan diterbitkan dalam bahasa Inggeris dan jika perlu bahasa-bahasa lain. -- Bernama.

AG ZAA MOK RON